

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

‘Gaji lepasan ijazah mengherot ke paras gaji minimum’

‘Gaji lepasan ijazah mengherot ke paras gaji minimum’

Dasar segera diperlukan untuk betulkan keadaan: Rafizi

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Latifah Ariffin
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, melahirkan kebimbangannya melihat kecenderungan gaji permulaan untuk lepasan ijazah di negara ini, tidak jauh beza dengan paras gaji minimum pekerja tidak mahir, iaitu RM1,500 sebulan.

Rafizi menegaskan, apabila ada paras minimum terbabit, sepatutnya gaji permulaan untuk lepasan ijazah naik lebih tinggi untuk menjarakkan daripada kedudukan itu.

Namun, katanya, dapatan awal statistik gaji setakat ini menunjukkan ia sebenarnya mengherot ke bawah, rapat kepada gaji minimum.

“Ia menunjukkan (seolah-olah) gaji minimum itu diguna sebagai rujukan untuk membayar gaji, terutama lepasan ijazah dan pekerja berkemahiran muda.

“Keadaan ini satu fenomena

memerlukan dasar segera untuk membetulkan keadaan,” katanya pada sidang media sempena pelancaran Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023 disusun bersumberkan data pentadbiran yang diperolehi daripada agensi berkaitan.

Penghasilan laporan itu adalah produk pertama yang berjaya diterbitkan menggunakan inisiatif kerangka Pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) yang membabitkan integrasi data pentadbiran yang pelbagai berkaitan pasaran pekerjaan.

Penerbitan itu memberi tumpuan kepada warganegara dalam sektor formal, memaparkan landskap tenaga kerja Malaysia, yang merangkumi statistik upah dibayar semasa tempoh rujukan.

Upah dianggarkan dalam penerbitan itu merujuk kepada semua ganjaran dalam bentuk wang yang meliputi bonus, komisen dan elaun dibayar kepada pekerja untuk pekerjaan yang dilakukan pada tempoh rujukan.

Mengulas lanjut, Rafizi berka-

ta, beliau pasti perkara itu akan dibincangkan dengan lebih mendalam dan pada peringkat Kementerian Ekonomi, ia akan menjadi tumpuan utama.

“Kenapa sekarang baru kami bercakap ialah kerana kami perlu mengumpul data dan dapatkan maklumat keadaan gaji yang tepat dalam beberapa bulan lalu.

“Kini, kita boleh yakin dengan diagnosis. Kita boleh yakin bahawa memang kita ada masalah gaji. Ia bukan cakap-cakap sahaja. Sekarang ia boleh disahkan oleh data. Perkara ini akan ditumpukan,” katanya.

Rafizi juga berkata, komitmen Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga jelas mengenai kadar gaji rakyat dan ia menjadi sebahagian daripada teras utama Ekonomi MADANI iaitu meningkatkan siling.

Beliau berkata, soal siling bersabit dengan gaji permulaan dan gaji golongan muda.

Gaji pekerja formal

Pada pembentangan itu, DOSM mendedahkan, sejumlah 82 peratus pekerja sektor formal di negara ini dikesan bergaji kurang RM5,000 dengan 35 peratus menerima pendapatan di bawah RM2,000 sebulan.

Laporan julung kali diterbitkan DOSM itu turut menunjuk-



Rafizi dan Mohd Uzir menunjukkan Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023 dikeluarkan DOSM di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

kan lebih 50 peratus pekerja formal di negara ini menerima gaji bawah RM3,000 pada Mac 2023.

Mengulas situasi itu, Rafizi berkata, perangkaan terkini itu menunjukkan pekerja formal di negara ini menerima gaji yang rendah dan situasi itu amat membimbangkan.

Katanya, dengan lebih 50 peratus menerima gaji bawah RM3,000 menunjukkan sebahagian besar pekerja formal di negara ini menerima gaji di bawah paras gaji kehidupan wajar RM3,047.

Malah, katanya, median atau penengah upah bulanan pada Mac 2023 bagi pekerja formal adalah sebanyak RM2,600 yang menunjukkan peningkatan 8.3 peratus berbanding RM2,400 bagi tempoh sama tahun lalu, namun tidak jauh daripada paras pendapatan garis kemiskinan (PGK) pada paras RM2,589.

Justeru, tegasnya, pelaksanaan dasar gaji progresif amat diperlukan untuk membetulkan keadaan itu.

“Kita memang ada masalah gaji. Sememangnya perlu penstrukturan semula bukan sahaja memacu pertumbuhan dan pelabu-

ran, kita mahu pelaburan dan pertumbuhan yang dirancang dan dijana akan dicerminkan kehidupan sehari-hari tenaga kerja,” katanya.

Rafizi berkata, dasar atau model gaji progresif akan dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Isnin ini bagi mendapatkan keputusan dasar sebelum ia boleh dilaksanakan.

Beliau berkata, setakat ini, majikan nampak begitu positif terhadap cadangan dasar atau model gaji progresif berdasarkan maklum balas dari sesi libat urus yang diadakan.

Namun, katanya, mereka berharap ada komitmen daripada kerajaan dengan menyediakan peruntukan tertentu setiap tahun untuk menyokong pelaksanaannya.

“Setakat ini, syarikat kecil dan sederhana yang mempunyai pekerja di bawah 50 orang mereka sudah dimaklumkan mengenai dasar atau model gaji progresif yang akan kita bentangkan. Setakat ini, pandangan sangat positif,” katanya.